

**Kuantan:** Landskap terowong bawah tanah bekas lombong bijih timah di Sungai Lembing dekat sini, dinaik taraf bagi meningkatkan kehadiran pelancong.

Bekas lombong bijih timah terbesar negara yang menerima lebih sejuta pelancong sejak dibuka pada 1 Januari 2013 itu kini ditutup sementara sehingga kerja naik taraf berkenaan selesai.

Ketua Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Izad Zainal Muhammad Safian berkata, kerja naik taraf landskap itu dimulakan 18 Januari lalu dan apabila siap, ia akan mewujudkan pemandangan dan

## Naik taraf landskap bekas lombong Sungai Lembing

suasana lebih menarik.

“Terowong ini menjadi tarikan utama sektor pelancongan di negeri ini sejak lima tahun lalu dan ia antara destinasi yang paling ramai dikunjungi pelancong.

“Kedatangan pelancong yang meningkat saban tahun menyebabkan MPK mengambil langkah untuk menaik taraf landskap kawasan berkenaan terutama lombong bawah tanah. Ini kali pertama terowong ditutup kepada pelancong.

“Jika ada peruntukan tambahan, kami merancang un-



tuk membuka lebih banyak terowong bawah tanah, namun ia tertakluk kepada ke-

“**Terowong ini menjadi tarikan utama sektor pelancongan di negeri ini sejak lima tahun lalu dan ia antara destinasi yang paling ramai dikunjungi pelancong**”

*Izad Zainal*

benaran pihak berkuasa,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Digelar sebagai El Dorado Timur, Sungai Lembing mempunyai lombong bawah tanah yang paling dalam dan tertua di dunia serta ia dikendalikan Pahang Consolidated Company Ltd (PCCL) selama lebih 80 tahun sebelum ditutup pada 1986.

Pada 2012, MPK membelanjakan RM8 juta untuk memulihkan dan membuka semula lombong berkenaan sebagai tarikan pelancongan.

Izad Zainal berkata, ada cadangan daripada beberapa pihak supaya kawasan aci

lombong itu dibuka untuk melakukan aktiviti lasak, namun pihaknya masih meneliti cadangan itu.

Katanya, pihaknya juga merancang untuk membuka satu aci di dalam terowong di mana pengunjung boleh menggunakan lif pengangkut untuk ke puncak bukit bagi menikmati pemandangan yang menakjubkan.

“Selain itu, MPK sedang meneliti beberapa cadangan menaik taraf trem dan memanjangkan landasannya bagi membolehkan pengunjung menikmati pengalaman sebenar zaman kegemilangan lombong ini,” katanya.

HARIAN METRO  
07.02.2018